

1249/1
SEJARAH
KERTAS 1
MASA 1 JAM
SEJ 2024

Nama :

Tingkatan :



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
(CAWANGAN PULAU PINANG)**

PEPERIKSAAN PERCUBAAN TAHUN 2024

SEJARAH TINGKATAN 5

**KERTAS 1
SET 1**

SATU JAM

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN:

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A**, **B**, **C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **SATU** jawapan sahaja.*
4. **HITAMKAN** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
5. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*

Buku soalan ini mengandungi 11 muka surat termasuk kulit hadapan

- 1 Maklumat berikut berkaitan undang-undang dalam kerajaan Alam Melayu.

Kutara Manawa

Namakan kerajaan yang mengamalkan undang-undang tersebut.

- A Kerajaan Funan
B Kerajaan Champa
C Kerajaan Srivijaya
D Kerajaan Majapahit
- 2 Ciri-ciri negara bangsa yang telah diwarisi dari kerajaan Alam Melayu telah memperkukuh kerajaan Srivijaya, Kesultanan Melayu Melaka dan Kesultanan Johor-Riau. Apakah nilai yang boleh kita peroleh daripada pernyataan tersebut.
- I Berkomunikasi sesama kaum
II Bertoleransi antara pelbagai bangsa
III Bekerjasama mempertahankan warisan
IV Bergotong-royong menjaga kebersihan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 3 Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK) dan Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC) merupakan antara institusi pendidikan yang menyemarakkan nasionalisme menentang penjajah. Bagaimanakah institusi pendidikan ini berfungsi menyemarakkan nasionalisme?
- A Mewujudkan sistem pendidikan madrasah
B Melahirkan golongan yang memimpin rakyat
C Mendedahkan pelajar dengan pemodenan Islam
D Menerima kunjungan ulama dari Sumatera Barat
- 4 Penulisan novel berjaya meniupkan nasionalisme dalam kalangan penduduk di negara kita. Apakah faktor yang mendorong kejayaan ini?
- A Penulisan bertemakan anti imperialisme
B Penulisan bertemakan kemajuan ekonomi
C Penulisan bertemakan semangat cinta negara
D Penulisan bertemakan perjuangan pendidikan

- 5 Pada tahun 1930-an, muncul golongan masyarakat India yang dilahirkan di Tanah Melayu dan dikenali sebagai “the Strait born people”
Bagaimanakah masyarakat tersebut memberi kesan kepada perkembangan nasionalisme di negara kita?
- A Memperjuang hak sama rata
 - B Membentuk identiti tersendiri
 - C Mengkritik dasar kerajaan kolonial
 - D Mengutamakan perkembangan ekonomi
- 6 Kekejaman tentera Jepun dan kesengsaraan hidup semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu telah mencetuskan penentangan penduduk.
Apakah cara penentangan tersebut??
- A Menubuhkan Rejimen Askar Melayu
 - B Menubuhkan Tentera Semut
 - C Melancarkan Perang Saraf
 - D Mengadakan demonstrasi
- 7 UMNO menganjurkan bantahan besar-besaran menentang Malayan Union. Bantahan penduduk tempatan ini berjaya membuka mata kerajaan British terhadap keburukan Malayan Union.
Apakah nilai yang boleh dikaitkan dengan perjuangan tersebut?
- I Semangat juang
 - II Perpaduan kaum
 - III Tolak ansur politik
 - IV Penyatuan orang Melayu
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 8 Mengapakah penyerahan Sabah kepada British tidak mendapat penentangan daripada penduduk tempatan?
- A Mempunyai masalah kewangan
 - B Tidak mempunyai pewaris takhta
 - C Mempunyai persatuan yang tidak aktif
 - D Tidak memahami tujuan penyerahan tersebut

- 9 Apakah tindakan yang dilakukan oleh PUTERA-AMCJA apabila British menolak perlembagaan rakyat?
- A Melakukan mogok
 - B Menganjurkan hartal
 - C Mengadakan ceramah
 - D Melancarkan demonstrasi
- 10 Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948 berjaya mewujudkan sebuah negara bangsa yang kukuh.
Apakah iktibar yang boleh diambil dari penubuhan ini?
- A Taat setia kepada pemerintah
 - B Sanggup berkorban demi negara
 - C Hormat menghormati antara kaum
 - D Kerjasama antara rakyat dengan pemimpin
- 11 Gambar berikut menunjukkan keganasan komunis di Tanah Melayu.



Mengapakah komunis bertindak sedemikian?

- A Rakyat menderita
 - B Berhijrah ke bandar
 - C Mencari pekerjaan baharu
 - D Penularan wabak penyakit
- 12 Mengapakah Parti Komunis Indonesia (PKI) berusaha menyebarkan pengaruh mereka di Tanah Melayu?
- A Kegagalan menguasai Pulau Jawa
 - B Penubuhan Parti Komunis Nanyang
 - C Keinginan menguasai bahan mentah
 - D Peluasan pengaruh Parti Komunis China

- 13 Sistem Ahli dilaksanakan pada bulan April 1951 hingga bulan Jun 1955. Bagaimanakah Sistem Ahli ini dapat memperkukuh perpaduan rakyat?
- A Ahli dipantau oleh suruhanjaya bebas
 - B Undang-undang anti perkauman digubal
 - C Ahli dilantik dalam kalangan pelbagai kaum
 - D Mewajibkan penggunaan Bahasa Kebangsaan
- 14 Apakah objektif Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956?
- A Membina lebih banyak sekolah
 - B Sistem persekolahan mengikut kaum
 - C Kurikulum yang seragam dan bercorak kebangsaan
 - D Mewujudkan sistem pembiayaan pendidikan yang teratur
- 15 Jawatankuasa Pilihan Raya telah dibentuk dengan 46 orang ahli pada 1 Februari 1954. Berdasarkan maklumat tersebut, apakah tugas Jawatankuasa Pilihan Raya?
- A Melantik wakil rakyat
 - B Mengadakan rundingan
 - C Mengumumkan keputusan
 - D Mengkaji hal ehwal pilihan raya
- 16 Selepas Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955, beberapa perubahan berlaku secara berperingkat di negara kita. Apakah kesan penubuhan Majlis tersebut?
- I Suruhanjaya Cobbold ditubuhkan
 - II Pilihan Raya Bandaran dijalankan
 - III Pentadbiran demokrasi diamalkan
 - IV Tunku Abdul Rahman mengetuai kerajaan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 17 Mengapakah Tunku Abdul Rahman merancang perjalanan rombongan kemerdekaan ke Karachi menggunakan kapal laut?
- A Merangka perlembagaan baharu
 - B Berunding tentang usaha kemerdekaan
 - C Mendapatkan sokongan negara serantau
 - D Berbincang dengan wakil Raja-raja Melayu

18 Maklumat berikut berkaitan misi kemerdekaan.

- Berlangsung dari 18 Januari 1956 - 6 Februari 1956
- Di Lancaster House, London

Apakah peristiwa yang berlaku?

- A Perjanjian kemerdekaan
 - B Rundingan kemerdekaan
 - C Sambutan kemerdekaan
 - D Pengisytiharan kemerdekaan
- 19 Kemerdekaan negara tercapai kerana sumbangan tokoh-tokoh nasionalis negara. Bagaimanakah generasi hari ini menghargai jasa mereka??
- A Menuntut pelbagai kemahiran
 - B Mematuhi perundangan negara
 - C Membangunkan ekonomi negara
 - D Menyanjung pengorbanan mereka
- 20 Perjanjian Anglo Malayan Defence Agreement (AMDA) ditandatangani antara Persekutuan Tanah Melayu dan Britain pada tahun 1957. Apakah manfaat perjanjian tersebut?
- A Memperkukuhkan ekonomi negara
 - B Melindungi hak asasi manusia
 - C Memperkukuhkan pertahanan
 - D Meluaskan pasaran barangan
- 21 Kedaulatan adalah kekuasaan tertinggi dan kewibawaan sesebuah negara yang bebas. Apakah kepentingan kedaulatan kepada sesebuah negara?
- A Menjamin kesejahteraan rakyat
 - B Memantapkan kewibawaan raja
 - C Meningkatkan pencapaian intelek
 - D Memperjuangkan kebajikan masyarakat
- 22 Apakah usaha yang dilakukan oleh kerajaan bagi mengukuhkan pertahanan negara?
- A Memodenkan teknologi senjata
 - B Menetapkan sempadan negara
 - C Mendapatkan tentera upahan
 - D Menyekat pendatang asing

- 23 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan pilihan raya sebagai asas sistem demokrasi di Malaysia.
Apakah rasional peruntukan tersebut?
- A Pengasingan kuasa
 - B Pemerintahan beraja
 - C Rakyat bebas memilih wakil pemimpin
 - D Kerajaan Persekutuan berkuasa penuh
- 24 Mengapakah berlaku pindaan Perlembagaan Persekutuan pada tahun 1963?
- A Pemisahan Singapura
 - B Pembentukan Malaysia
 - C Mengukuhkan sistem beraja
 - D Menjalankan pilihan raya umum
- 25 Bagaimanakah Majlis Raja-Raja memainkan peranannya dalam sistem Raja Berperlembagaan?
- A Mengesah pelantikan anggota Jemaah Menteri
 - B Memberi nasihat berkaitan pelantikan jawatan tertentu
 - C Memperkenan undang-undang yang diluluskan Parlimen
 - D Mempunyai kuasa budi bicara dalam pembentukan kerajaan
- 26 Perlembagaan Persekutuan telah menggariskan peruntukan berkaitan dengan kebebasan asasi.
Apakah bukti negara kita mengamalkan kebebasan asasi dalam beragama?
- I Aktiviti keagamaan dijalankan secara tertutup
 - II Sikap diskriminasi terhadap agama lain
 - III Agama Islam sebagai agama Persekutuan
 - IV Penganut agama lain mengamalkan agama masing-masing
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

27 Jadual berikut berkaitan perkembangan sistem Pentadbiran Persekutuan di negara kita.

Tahun	Sistem Pentadbiran
1896	Pembentukan Negeri-negeri Melayu Bersekutu
1927	Penstrukturan Majlis Perundangan Persekutuan
1946	Penubuhan Malayan Union

Apakah kepentingan pembentukan sistem tersebut?

- A Menjamin kepentingan British
 - B Menjalankan dasar dekolonisasi
 - C Melaksanakan pengasingan kuasa
 - D Mengukuhkan kedudukan Raja-raja Melayu
- 28 Pada peringkat awal kemerdekaan, kerajaan telah melancarkan program In-Situ. Apakah penekanan program tersebut?
- A Pembangunan fizikal desa
 - B Penyediaan peluang pekerjaan
 - C Pembukaan petempatan baharu
 - D Penyusunan semula masyarakat
- 29 Mengapakah Sir Malcolm Mac Donald dan Sir Gerald Templer mencadangkan penggabungan tanah jajahan British di Asia Tenggara?
- I Dekolonisasi
 - II Keselamatan
 - III Kebudayaan
 - IV Potensi ekonomi
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 30 Indonesia membuat bantahan rasmi kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) tentang pembentukan Malaysia. Bagaimanakah PBB menyelesaikan isu tersebut?
- A Mengadakan siri lawatan
 - B Membuat tinjauan semula
 - C Memberi rasional pembentukan
 - D Mengusulkan idea penyelesaian

- 31 Sarawak telah mengalami krisis perlembagaan pada bulan Jun 1966. Bagaimanakah kerajaan bertindak untuk menghadapi krisis ini?
- A Mengisytiharkan darurat
 - B Meminda perlembagaan
 - C Mengadakan pilihan raya
 - D Memberi khidmat nasihat
- 32 Berikut adalah majlis yang diberikan kuasa untuk memerintah negara dari 16 Mei 1969 hingga 23 Februari 1971

MAGERAN

Apakah tanggungjawab majlis tersebut?

- A Memperkenalkan dasar ekonomi negara
 - B Menyusun strategi ketenteraan negara
 - C Menentukan pentadbiran negara licin
 - D Mengendalikan pilihan raya yang adil
- 33 Dasar Pendidikan Kebangsaan dibentuk untuk memupuk perpaduan kaum. Bagaimanakah dasar ini mampu dicapai melalui Laporan Rahman Talib?
- A Menekankan aktiviti kokurikulum
 - B Mengadakan kurikulum yang sama
 - C Memperkenalkan pelbagai kursus kemahiran
 - D Melaksanakan sistem persekolahan aneka jurusan
- 34 Mengapakah Rukun Negara diisytiharkan pada 31 Ogos 1970?
- A Membangunkan modal insan
 - B Mengukuhkan perpaduan rakyat
 - C Meningkatkan kemajuan ekonomi
 - D Memupuk semangat juang rakyat
- 35 Dasar Pembangunan Nasional (DPN) bermatlamat untuk mencapai perpaduan. Bagaimanakah hasrat tersebut dapat dicapai?
- A Mengawal kadar inflasi
 - B Melaksanakan ekonomi kawalan
 - C Memantau pengurusan kewangan negara
 - D Mengimbangi pembangunan antara negeri

36 Apakah yang dimaksudkan dengan pertanian pintar?

- A Penggunaan teknologi dalam pengeluaran
- B Membangunkan kemudahan fizikal
- C Meningkatkan integrasi ekonomi
- D Pengurusan sektor moden

37 Kerajaan-kerajaan berikut telah menjalinkan hubungan diplomatik dengan kerajaan China.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• P'an-p'an• Langkasuka• Chih-t'u |
|---|

Bagaimanakah hubungan tersebut dijalinkan?

- A Menghantar ufti
- B Menghantar utusan
- C Melalui ketenteraan
- D Melalui perkahwinan

38 Perang Dingin ialah konflik politik yang melibatkan dua kuasa iaitu negara Blok Barat dengan negara Blok Timur.

Apakah kesan Perang Dingin kepada Malaysia?

- A Penggubalan dasar luar
- B Kemelesetan ekonomi
- C Dasar Tidak Berpihak
- D Dasar probarat

39 Bagaimanakah rakyat Malaysia berperanan membantu perjuangan rakyat Palestin?

- I Menyalurkan bantuan kemanusiaan
- II Mewujudkan tabung sumbangan
- III Meminta bantuan kuasa dunia
- IV Menghantar pasukan tentera

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 40 Perjanjian Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara telah ditandatangani pada 1995. Bagaimanakah Malaysia menunjukkan komitmen terhadap perjanjian tersebut?
- A Melarang pembinaan loji nuklear
 - B Menutup laluan perdagangan antarabangsa
 - C Memutuskan hubungan dengan negara pengeluar
 - D Menghalang kapal nuklear berlabuh di perairannya

SOALAN PEPERIKSAAN TAMAT